

11/07/2000

Kerajaan belum terima laporan rasmi siasatan BPR

KUCHING, Isnin - Kerajaan negeri belum menerima laporan rasmi berhubung kes beberapa ahli politik dan pegawai kerajaan di negeri ini yang dikatakan sedang disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) kerana disyaki terbabit dalam gejala rasuah.

Ketika diminta mengulas perkara itu, Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Hamid Bugo, berkata beliau belum menerima laporan rasmi atau aduan mengenainya.

Bagaimana pun katanya, siasatan terhadap mereka yang disyaki termasuk ahli politik dan pegawai kerajaan bukan perkara baru, kerana ia sudah menjadi tugas dan tanggungjawab BPR.

"Sesuatu berita buruk itu tidak semestinya membawa keburukan, tetapi ianya ke arah kebaikan. Saya gembira kerana BPR menjalankan tugas mereka dengan baik di Sarawak dalam usaha membanteras gejala rasuah," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya, Wisma Bapa Malaysia di sini, hari ini.

Sidang akhbar itu untuk mengumumkan Konvensyen Alumni Universiti-Universiti Australia 2000 yang akan berlangsung di Hotel Crowne Plaza Riverside di sini, mulai 24 hingga 27 Ogos ini.

Jumaat lalu, Pengarah BPR negeri, Yip Pit Wong mendedahkan ahli politik adalah antara mereka yang sedang disiasat kerana disyaki terbabit dalam kes rasuah yang dilaporkan kepada BPR Sarawak, dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Turut disyaki dalam 140 kes yang sedang disiasat oleh badan itu sepanjang tempoh berkenaan ialah pegawai kerajaan dan swasta, termasuk dua anggota polis masing-masing berpangkat inspektor dan koperal.

Kepada satu soalan lain, Hamid berkata, kerajaan negeri akan mengekalkan sistem protokol sedia ada dalam majlis-majlis rasmi yang dihadiri pembesar negeri.

Ini kerana katanya, masalah hubungan mesra antara pemimpin dengan rakyat tidak pernah menjadi isu di negeri ini, memandangkan sudah sekian lama kerajaan negeri cuba memastikan hubungan mesra pemimpin dan rakyat sentiasa terjalin.

Lagi pun tambah beliau, peraturan protokol sedia ada adalah untuk langkah-langkah keselamatan terutama di majlis tertentu yang dihadiri pucuk pimpinan negeri ini.

Mengenai konvensyen itu, Hamid berkata, ia dijangka akan dihadiri 1,500 peserta dari seluruh Malaysia, Australia, Brunei, Indonesia dan Singapura.

Di Sarawak katanya, setakat ini ada kira-kira 15,000 pelajar lulusan universiti Australia di negeri ini dan tiap-tiap tahun juga tidak kurang daripada 1,500 penuntut dari negeri ini melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi negara berkenaan.

Menurutnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka akan menyampaikan ucapan dasar pada majlis perasmian konvensyen berkenaan bulan depan.

(END)